



# **PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN**

## **AKAUNTAN GRED W41**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

## Kandungan

### Muka Surat

<b>Pendahuluan</b>	<b>2</b>
<b>Panduan Umum</b>	<b>3</b>
<b>Sukatan Peperiksaan</b>	<b>4</b>
<b><u>Seksyen A</u></b>	
Pengetahuan Am Mengenai Malaysia dan Alam Sekeliling	4
<b><u>Seksyen B</u></b>	
Daya menyelesaikan masalah	5-8
<b><u>Seksyen C</u></b>	<b>9</b>
Esei Bahasa Melayu	
<b><u>Seksyen D</u></b>	<b>9</b>
Esei Bahasa Inggeris	
<b>Panduan Menjawab Soalan</b>	<b>10-11</b>
<b>Penutup</b>	<b>11</b>

## Pendahuluan

Peperiksaan ini bertujuan mengukur daya pemikiran serta kebolehan calon mengaplikasi maklumat yang diperolehi melalui latihan akademik, bacaan dan pengalaman. Calon-calon yang menduduki peperiksaan adalah dari pelbagai jurusan. Maka, soalan-soalan yang dikemukakan meliputi pelbagai bidang dan mempunyai skop yang luas.

Matlamat peperiksaan ini adalah untuk mengukur kematangan pemikiran calon agar sesuai dengan kualiti serta potensi sebagai seorang Akauntan, Gred W41.

Peperiksaan ini melibatkan empat kertas berasingan. Setiap kertas adalah penting untuk prestasi mengukur calon. Calon-calon perlu menunjukkan prestasi yang baik bagi ke semua kertas. Jika prestasi yang sangat baik dipamerkan pada satu atau dua kertas sahaja, maka prestasi keseluruhan calon kurang memuaskan. Namun, jika calon mendapat markah yang menggalakkan bagi setiap kertas, maka prestasi keseluruhan dianggap baik. Oleh itu, calon-calon dinasihatkan supaya tidak memfokus kepada kertas tertentu sahaja.

Kelulusan peperiksaan ini merupakan satu daripada syarat lantikan ke skim tersebut. Calon-calon yang memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia termasuk lulus '*Assessment Centre*' akan ditemu duga.

## Panduan Umum

1. Pada hari Peperiksaan calon hendaklah membawa
  - (i) Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
  - (ii) Kad Pengenalan.
  - (iii) Pensil 2B, pen dan pemadam lembut.
  - (iv) Peralatan lain yang difikir perlu.
2. Calon perlu berada di Pusat Peperiksaan **tiga puluh minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
3. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon tidak dibenarkan berkomunikasi dengan calon-calon lain. Sila angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan **tiga puluh minit** selepas peperiksaan dimulakan.
6. Jawapan hendaklah dibuat dalam
  - (i) Kertas OMR - bagi Seksyen A dan B
  - (ii) Kertas tulis SPA - bagi Seksyen C dan D
7. No. Kad Pengenalan pada kertas jawapan hendaklah **sama** seperti dalam Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
8. Rujukan kepada mana-mana bahan adalah **tidak** dibenarkan.
9. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
10. Penggunaan mesin kira adalah **tidak** dibenarkan.

## Sukatan Peperiksaan

Ujian ini mengadungi lima seksyen iaitu:

- (i) Seksyen A - Pengetahuan Am Mengenai Malaysia dan Alam Sekeliling
- (ii) Seksyen B - Daya Menyelesaikan Masalah
- (iii) Seksyen D - Esei Bahasa Melayu
- (iv) Seksyen E - Esei Bahasa Inggeris

### **SEKSYEN A - PENGETAHUAN AM MENGENAI MALAYSIA DAN ALAM SEKELILING**

Masa: 40 minit

Bilangan Soalan: 50

Tujuan seksyen Tujuan seksyen ini adalah untuk menguji daya kesedaran calon terhadap perkara yang berlaku di Malaysia dan dunia sekelilingnya. Calon dikehendaki mengetahui secara umum mengenai bidang perakaunan, ekonomi, kewangan, perdagangan, teknologi maklumat dan komunikasi, pentadbiran kerajaan dan sosial.

Soalan-soalan akan ditarafkan adalah perlu diketahui oleh calon-calon yang mempunyai Ijazah dalam bidang perakaunan.

### Soalan Pengetahuan Am

1. Manakah antara perkara berikut yang **tidak** diambil kira dalam menghitung susut nilai aset?
  - A. Kos Pembaikan
  - B. Nilai Skrap Aset
  - C. Harga Kos Belian
  - D. Jangka Usia Penggunaan Aset

**Jawapan: A**

## **SEKSYEN B - DAYA MENYELESAIKAN MASALAH**

Masa: 45 minit

Bilangan Soalan: 40

Dalam seksyen ini calon dikehendaki menyelesaikan masalah-masalah yang dikemukakan menggunakan;

### **(i) Kemahiran Logik**

Dalam seksyen ini calon dikehendaki menggunakan segala pengetahuan yang ada, kemahiran berfikir serta kemahiran mengaplikasi maklumat-maklumat tersebut untuk memilih jawapan yang tepat dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dikemukakan.

### **Contoh Soalan Kemahiran Logik**

1. Apakah nilai R yang paling sesuai?

$$\begin{array}{r} 6886 \\ \hline 8866 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 6552 \\ \hline 6255 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} \text{R} \\ \hline 3632 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 6110 \\ \hline 6101 \end{array}$$

- A. 6323                                     C. 6322  
B. 6233                                     D. 6332

**Jawapan: D**

### **Teknik menjawab**

Nombor pertama	= 6
$2^{\text{nd}} + 3^{\text{rd}}$	= nombor yang sama
Nombor terakhir	= baki nombor

2. Sebanyak 12 keping kad berlabel seperti berikut dimasukkan ke dalam sebuah beg. Jika sekeping kad dicabut keluar secara rawak, apakah kebarangkalian untuk mendapat kad bertanda A?

S	A	T	U	M	A	L	A	Y	S	I	A
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

- A. 5/12
- B. 2/6
- C. 1/4
- D. 1/3

**Jawapan:** D

**Teknik menjawab**

Jumlah semua kad = 12 keping

Jumlah kad bertanda A = 4 keping

Kebarangkalian kad bertanda A dicabut = 4/12

= 1/3

**(ii) Kemahiran Menginterpretasi Data**

Calon diberi beberapa soalan menyelesaikan masalah yang menggunakan perangkaan. Perangkaan yang diberi perlu dianalisa untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dikemukakan. Penggunaan graf, jadual dan sebagainya digalakkan agar mudah untuk calon memberi jawapan.

## Contoh Soalan Menginterpretasi Data

1. Jadual berikut menunjukkan bilangan pengunjung ke sebuah taman tema pada cuti Hari Malaysia tahun lepas. Sekiranya seorang pengunjung dipilih secara rawak, cari kebarangkalian pengunjung yang dipilih adalah seorang kanak-kanak.

Bilangan Pengunjung	Lelaki	Perempuan
Dewasa	52	68
Kanak-Kanak	104	136

- A. 1/3
- B. 2/3
- C. 1/4
- D. 2/4

Jawapan: B

### Teknik Menjawab:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah pengunjung} &= 52 + 68 + 104 + 136 \\ &= 360 \text{ orang}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah pengunjung kanak-kanak} &= 104 + 136 \\ &= 240 \text{ orang}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Kebarangkalian pengunjung kanak-kanak dipilih} &= 240/360 \\ &= 2/3\end{aligned}$$

### (iii) Konsep-konsep Matematik dan Perakaunan

Konsep Matematik yang digunakan termasuklah algebra dan geometri. Soalan-soalan akan ditarafkan adalah perlu diketahui oleh calon-calon dalam bidang perakaunan.

#### Contoh Soalan Konsep Matematik

1. 8 pasukan bola sepak mengambil bahagian dalam sebuah pertandingan. Jika perlawanan diadakan secara liga (setiap pasukan mesti bertemu antara satu sama lain) berapakah jumlah permainan yang akan dilangsungkan dalam pertandingan tersebut?
  - A. 28
  - B. 49
  - C. 56
  - D. 62

**Jawapan:** A

#### **Teknik menjawab:**

8 pasukan mengambil bahagian di mana setiap pasukan mesti bertemu antara satu dengan lain. Oleh itu, setiap pasukan perlu bermain sebanyak 7 kali. Ini bermakna terdapat 56 ( $8 \times 7$ ) permainan. **Tetapi** setiap pasukan bertemu dengan pasukan lain hanya sekali, untuk mengelakkan pengiraan dua kali maka jumlah permainan ialah

$$\begin{array}{r} 8 \times 7 = 28 \\ \hline 2 \end{array}$$

## **SEKSYEN C - ESEI BAHASA MELAYU**

Masa: 1 jam  
Bilangan Soalan: 3 jawab 1  
Panjang Esei: Bilangan perkataan adalah tidak dihadkan.

Dalam seksyen ini calon dikemukakan isu-isu yang menjemput pandangan tentang sesuatu masalah. Contohnya: "Cara-cara untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur."

Penilaian adalah berdasarkan pendapat-pendapat calon yang disusun dengan jelas, teratur dan munasabah. Objektif utama adalah untuk mengukur daya kreativiti dan kebolehan calon dalam penguasaan Bahasa Melayu.

## **SEKSYEN D - ESEI BAHASA INGGERIS**

Masa : 1 jam  
Bilangan Soalan : 3 jawab 1  
Panjang Esei : Bilangan perkataan adalah tidak dihadkan.

Dalam seksyen ini calon dikemukakan isu-isu yang memerlukan pandangan tentang sesuatu masalah. Contohnya: "Electronic Government in Malaysia."

Penilaian adalah berdasarkan pendapat-pendapat calon yang disusun dengan jelas, teratur dan munasabah. Objektif utama adalah untuk mengukur daya kreativiti dan kebolehan calon dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

## Panduan Menjawab Soalan

Nasihat-nasihat berikut diharap dapat membantu calon-calon dalam peperiksaan ini.

### **Soalan Objektif**

#### **(Soalan-soalan di dalam Seksyen A dan B)**

- (a) Calon perlu peka bahawa kesemua calon yang menduduki peperiksaan ini adalah dari pelbagai bidang akademik. Soalan-soalan yang dikemukakan juga meliputi kesemua bidang akademik. Oleh yang demikian terdapat beberapa soalan yang berkemungkinan sukar untuk individu tertentu menjawab kerana berada di luar bidang pengkhususan. Soalan-soalan tersebut, walaupun bagaimanapun, mungkin sesuai untuk calon lain yang berpengetahuan dalam bidang tersebut. Oleh itu, jika terdapat soalan yang tidak boleh dijawab dinasihatkan agar calon tidak membuang masa dan terus menjawab soalan-soalan yang berikutnya. Apabila masa mengizinkan kembali kepada soalan tersebut.
- (b) Soalan objektif adalah soalan aneka pilihan, 4 opsyen jawapan dikemukakan dan calon perlu memilih 1. Jawapan yang dikehendaki bukan sahaja yang betul tetapi yang paling tepat. Apabila membaca dan mengkaji ke semua opsyen yang dikemukakan kerana yang diperlukan adalah jawapan yang paling tepat. Dengan meninggalkan jawapan-jawapan yang difikirkan salah, opsyen jawapan akan berkurangan dan ini dapat membantu dalam proses pemilihan jawapan yang tepat.
- (c) Bagi merekod jawapan, calon dibekalkan borang khas yang akan diproses menggunakan komputer. Ditegaskan agar calon menggunakan pensil 2B sahaja. Jika alatulis-alatulis lain digunakan, jawapan calon tidak diambil kira kerana komputer tidak dapat memprosesnya. Jika calon perlu membuat perkiraan, jawapan contoh dan sebagainya, gunakan kertas lain atau buku soalan. Borang yang dibekalkan adalah khusus untuk merekod jawapan.

**Soalan Esei****(Soalan-soalan dalam Seksyen D dan E)**

- (a) Soalan-soalan eseai terdapat di dalam dua seksyen iaitu Seksyen D (esei Bahasa Melayu) dan Seksyen E (esei Bahasa Inggeris). Bagi setiap seksyen calon perlu memilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan.
- (b) Masa **1 jam** bagi menjawab setiap **esei**. Tujuan calon diberi masa masa panjang adalah untuk menggalakkan penulisan eseai yang bernalas, teratur, teknik persempahan serta susunan perkataan yang terbaik. Bilangan perkataan adalah tidak dihadkan. Tulisan perlu kemas dan calon digalakkan menggunakan gaya bahasa yang bervariasi, di samping penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. Calon-calon juga seharusnya dapat mengemukakan idea-idea dengan jelas dan matang serta disertakan contoh yang tepat dan sesuai. Oleh yang demikian calon dinasihatkan untuk menggunakan sekurang-kurangnya 10 minit untuk merancang, membuat rangka jawapan dan sebagainya sebelum eseai ditulis.

**Penutup**

Calon sekali lagi dinasihatkan supaya cuba mendapatkan markah yang terbaik. Jika lulus, calon mungkin berpeluang untuk dipanggil temu duga. Ini bermakna peluang untuk dipertimbangkan ke jawatan Akauntan, Gred W41 adalah lebih baik.

**“Selamat Maju Jaya”**

Bahagian Peperiksaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia